

30 MAY 2002  
Hadi-Syariah

UNDANG-UNDANG SYARIAH: KERAJAAN TERENGGANU SEDIA BERBINCANG

KOTA BAHARU, 30 Mei (Bernama) -- Kerajaan Terengganu sedia bertemu dengan semua pihak termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) sebelum pembentangnya pada sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu Julai ini.

Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata perbincangan berbentuk ilmiah itu bagaimanapun mestilah berkaitan dengan perkara-perkara teknikal seperti urusan bukti.

"Cadangan kita (kerajaan negeri) pada akhir Jun ini (untuk bentang rang undang-undang itu di dewan) tetapi (ditangguhkan) supaya lebih kemaskini dan untuk mendengar pendapat secara akademik dalam perkara-perkara teknikal," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS ke-43 di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (Putik) di Pengkalan Chepa di sini, hari ini.

Abdul Hadi yang juga Timbalan Presiden PAS berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai 12 pertubuhan wanita menentang keputusan kerajaan Terengganu untuk membentangkan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang didakwa mengandungi peruntukan yang menzalimi dan menganiaya wanita Islam.

Abdul Hadi berkata pihak yang menentang itu hanya melemparkan tuduhan dari jauh dan tidak hadir pada seminar yang dianjurkan pada dua minggu lepas bagi membincangkan rang undang-undang berkenaan.

"Kita telah menjemput semua pihak termasuk mufti-mufti menghadiri seminar itu termasuk (wakil) Institut Kefahaman Islam Malaysia, ahli akademik (dan) parti-parti politik, tetapi mengapa mereka tidak menghantar wakil," katanya.

Abdul Hadi berkata beliau juga turut berjumpa dengan Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan empat hari lepas bagi membincangkan rang undang-undang itu supaya ia lebih kemas.

Katanya semua pihak tidak perlu bimbang dengan undang-undang jenayah Syariah itu kerana hukum Hudud lebih bersifat menggerunkan penjenayah dan Islam juga menggalakkan penyelesaian di luar mahkamah.

Mengenai persetujuan kerajaan pusat yang diperlukan sebelum undang-undang jenayah Syariah itu boleh dilaksanakan, Abdul Hadi berkata kerajaan negeri mengambil sikap positif atas pengisytiharan Perdana Menteri bahawa Malaysia sebuah negara Islam.

Pada perkembangan berkaitan, Abdul Hadi berkata satu memorandum mengenai Kontrak Sosial yang disediakan Pusat Penyelidikan PAS dan Jawatankuasa PAS Pusat akan dikeluarkan bila-bila masa sahaja untuk dibaca dan difahami orang bukan Islam.

Terdahulu ketika berucap, beliau menggesa pemuda PAS menyiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran untuk menjadi pemimpin yang berwibawa pada masa depan.

-- BERNAMA  
BD BD MOZ